

05/12/2003

Dr M ingatkan bahaya jika minda terus dijajah

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU: Tun Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya berwaspada terhadap penjajahan cara baru yang cuba memeralatkan mereka yang belum bebas daripada belunggu penjajahan minda.

Bekas Perdana Menteri berkata, walaupun penjajah tidak dapat lagi menakluk dan menjajah, ia tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk terus berusaha.

"Sepatutnya selepas merdeka, minda kita tidak dijajah lagi. Akibat penjajahan itu, ramai daripada kita kurang percaya kebolehan sendiri.

"Ramai masih percaya orang Eropah lebih berkemampuan. Mereka anggap memajukan negara membangun seperti Malaysia untuk menjadi negara maju adalah angan-angan Mat Jenin," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Dalam Pengurusan dan Kejuruteraan kepadanya oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, di sini semalam.

Anugerah disampaikan Canselor UTM, Sultanah Johor Sultanah Zanariah Tunku Ahmad. Penganugerahan itu bagi mengenang jasa Dr Mahathir sepanjang kecemerlangan menerajui negara selama 22 tahun, bermula 16 Julai 1981 sebelum bersara 31 Oktober lalu.

Sambil merujuk sejarah negara melalui zaman penjajahan selama 446 tahun, Dr Mahathir menegaskan pemikiran yang masih dijajah menjadi halangan kepada usaha membangunkan negara.

Katanya, badan bukan kerajaan (NGO) yang pemikirannya dijajah turut menjadi alat NGO asing yang tidak ingin melihat negara membangun dan maju.

Dr Mahathir berkata, usaha memajukan negara boleh dilakukan lebih pantas dengan perbelanjaan rendah jika halangan minda tidak membantu cemuhan orang asing menerusi media mereka.

"Segala yang dilakukan untuk mempercepatkan pembangunan dilabel sebagai projek mega dan ditentang NGO serta media tempatan, manakala media bekas penjajah bertepuk sorak.

"Bayangkan Malaysia tanpa Lebuh raya Utara-Selatan, landasan berkembar kereta api elektrik, Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan banyak lagi yang didakwa sebagai mega. Apakah yang membezakan Malaysia dengan negara membangun lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berjaya membangunkan kawasan luar bandar lengkap dengan bekalan elektrik dan air, sekolah serta klinik serta jalan kampung bertar berbanding kejayaan negara lain.

"Tetapi mereka yang membenci kita tidak pernah menyebut atau lapor perkara berkenaan, sebaliknya hanya melaporkan projek mega," katanya.

Beliau juga berkata, rakyat perlu bercita-cita besar untuk membangunkan dan memajukan negara kerana pendapat rezeki secupak tidak akan menjadi segantang adalah penghalang kemajuan.

"Ia kerana secupak padi jika disemai, ditanam dan keluarannya ditanam berkali-kali akan menjadi ratusan ribu gantang.

"Begitu juga pepatah niat hati hendak memeluk gunung, apakah daya tangan tak sampai mencerminkan minda yang kecil dan mudah kecewa kerana tidak mempercayai diri sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, isu projek mega adalah ciptaan mereka yang tidak senang melihat kejayaan negara kerana Malaysia tidak muflis selepas menjayakan projek yang dilabelkan sebagai mega.

Beliau juga mengajak rakyat menghapuskan kepercayaan bahawa orang Eropah lebih utama daripada bangsa lain dan diganti dengan kepercayaan bahawa mereka tiada kelebihan dan warga Malaysia tidak kurang daripada sesiapa.